

PENDEKATAN DAKWAH USTAZ AZIZAN ABDUL RAZAK DALAM PENTADBIRAN DI KEDAH

¹Ahmad Safuwan bin Abd Rahman & ²Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Pao
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
E-mail : safuwanrahman16@gmail.com, athiroh@ukm.edu.my

Abstrak - *Tan Sri Azizan Abdul Razak, atau lebih dikenali sebagai Ustaz Azizan merupakan seorang tokoh dakwah politik negara yang berprinsip serta sangat dikenali dalam aspek kepimpinan dan pentadbiran. Kajian mengenai pendekatan Ustaz Azizan dalam aspek dakwah politik sangat penting untuk dijadikan panduan kepada umat Islam terutamanya dalam kalangan pemerintah atau pemimpin. Persoalan pendekatan dakwah politik perlu dibahaskan bagi memantapkan kefahaman bahawa dakwah adalah satu keperluan dalam politik. Persoalan lain yang harus dikaji ialah Ustaz Azizan Abdul Razak sebagai tokoh yang berintegriti, berwibawa dan turut menyumbang dalam pentadbiran yang berlandaskan syariat Islam serta memberi impak positif dalam kalangan rakyat. Kajian ini lebih kepada bentuk kualitatif iaitu menggunakan fakta, ulasan, persepsi dan ciri-ciri yang boleh menjelaskan sesuatu keadaan atau fenomena. Secara dasarnya, penyelidikan ini adalah gabungan kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Data dan fakta primer serta sekunder digunakan bagi memahami pendekatan dakwah politik Ustaz Azizan Abdul Razak melalui kaedah temu bual, dokumentasi, artikel, buku ilmiah, kajian sarjana dan juga laman web. Kepimpinan dan ketokohan Ustaz Azizan Abdul Razak yang luar biasa menjadikan beliau seorang yang telah berjaya merubah landskap pemikiran politik melalui pendekatan dakwah khususnya dalam pentadbiran di negeri Kedah.*

Kata kunci: *Azizan Abdul Razak, Pendekatan Dakwah dalam Pentadbiran.*

Pendahuluan

Secara umumnya, tokoh pendakwah ialah seseorang yang luas dan mendalam ilmu pengetahuan agamanya dimana dengan ilmu yang dimilikinya itu, dia berupaya menggarapkan dan seterusnya mengembangkan ilmu tersebut bersesuaian dengan bidang kepakarannya sehingga lahir beberapa disiplin atau cabang ilmu yang lain, sama ada dalam bidang ilmu keagamaan mahupun dalam ilmu keduniaan. Penulisan mengenai tokoh-tokoh pendakwah yang dibuat oleh ramai pengkaji mendapati ketokohan seorang pendakwah hanya dilihat dalam misi penyebaran dakwah sahaja. Seharusnya penulisan mengenai tokoh-tokoh ini juga mengambil kira kepentingannya dalam bidang-bidang lain seperti pembangunan ekonomi dan politik. Tokoh-tokoh seperti ini harus diketengahkan untuk perhatian generasi muda yang bakal berkecimpung dalam menegakkan syiar Islam. Tan Sri Azizan Abdul Razak yang mesra dipanggil Ustaz Azizan seorang daripada tokoh pendakwah politik yang penulis maksudkan.

Ustaz Azizan Abdul Razak adalah seorang tokoh pendakwah dan politik Islam terkenal di Negeri Kedah. Beliau merupakan seorang tokoh yang mempunyai sifat kewibawaan, cekal serta mempunyai pandangan yang jauh dalam mengorak langkah kepimpinan beliau di Negeri Jelapang padi iaitu negeri Kedah. Keperibadian Ustaz Azizan Abdul Razak telah menjadikan beliau seorang yang dihormati oleh masyarakat, kawan mahu pun pihak lawan. Ustaz Azizan Abdul Razak adalah seorang yang bersifat warak, alim dan bersederhana dalam segala hal. Hal ini telah menyerlahkan lagi keperibadian beliau. Beliau turut dikagumi oleh setiap lapisan masyarakat di desa mahu pun di bandar. Sebagai seorang menteri besar, Ustaz Azizan Abdul Razak telah menjalankan reformasi ke atas dasar kepimpinan yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah dalam pelbagai aspek iaitu dalam aspek ekonomi, sosial dan politik. Kajian ini memperlihatkan kepada pembaca mengenai keistimewaan dan keunikan yang terdapat pada Ustaz Azizan Abdul Razak sebagai tokoh dakwah dan Menteri Besar Kedah. Selain dari itu, pengkaji akan menyoroti langkah-langkah mahu pun pendekatan yang diambil oleh Ustaz Azizan Abdul Razak dalam menyampaikan pendakwahan Islam dalam pentadbiran di Kedah. Pemilihan tokoh ini juga bukanlah atas dasar saya berpihak kepada perjuangan parti yang didokong oleh beliau, tetapi lebih kepada persoalan mengenai apakah sebenarnya yang telah dijadikan prinsip, pegangan dan cara pendekatan beliau sehingga beliau menjadi begitu berpengaruh dan mempunyai karisme tersendiri dan disegani.

A. Biografi Ustaz Azizan Abdul Razak

Azizan Abdul Razak lebih mesra disapa Ustaz Azizan. Dilahirkan pada 25 Oktober 1944 di Alor Setar, Kedah. Kemudian beliau dan keluarga menetap di Sungai Limau dan menjadi anak jati Sungai Limau. Beliau merupakan anak kepada Haji Abdul Razak bin Haji Ali Awang yang merupakan imam dan pimpinan mesyarakat setempat serta salah seorang pejuang kemerdekaan menentang British. Datuknya yang bernama Haji Ali Awang pula adalah pengasas pondok di kawasan Sungai Limau Dalam pada tahun 1920-an. Dua orang bapa saudara Ustaz Azizan adalah penghulu dan salah seorang dari mereka adalah bekas Adun BN pada tahun 1990 di Sala iaitu Haji Ahmad Haji Awang. Hasil perkongsian hidup dengan dua orang isterinya iaitu Faeqah Sheikh Hamzah dan Shamsiah Shafie beliau dikurniakan 14 orang cahaya mata. Anak jati Sungai Limau ini membesar dalam suasana keluarga yang sederhana dan bergelumang dengan kesusahan sejak usia muda menyebabkan Allahyarham berdikari setelah bergelar anak yatim ketika berusia 11 tahun. Allahyarham sedar hanya ilmu mampu mengubah nasib keluarganya, disebabkan itu Ustaz Azizan menitikberatkan soal pendidikan. Selain Negeri Kelantan, negeri Kedah juga terkenal dengan keprihatinan warga negerinya yang mementingkan didikan Islam bagi setiap anak-anaknya. Hal ini agak berbeza dengan warga negeri lain. Ini adalah disebabkan latar belakang sejarahnya yang menyaksikan banyak tumbuh pusat-pusat pengajian pondok terutamanya. Sebagaimana anak-anak lain yang diberi didikan agama sejak awal oleh ibubapa masing-masing, maka Ustaz Azizan juga tidak terkecuali. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Limau, kemudian menyambung pengajian di Maktab Mahmud pada tahun 1959 hingga 1965. Setelah itu pada tahun 1972, Ustaz Azizan meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi iaitu beliau menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda Syariah di Universiti al-Azhar, Mesir. Minat beliau terhadap ilmu pengetahuan tidak terhenti setakat itu sahaja. Setelah tamat pengajian di Universiti al-azhar, Mesir beliau kemudiannya menyambung pengajian Ijazah Sarjana dalam bidang undang-undang di Universiti Kent, Canterbury, United Kingdom pada tahun 1978. Sebelum menceburkan diri dalam arena politik, Ustaz Azizan berkesempatan menabur bakti dan tenaga pengajar di sekolah yang didudukinya iaitu Maktab Mahmud, Alor Setar pada tahun 1966. Pelaksanaan tugasnya di sini lebih mudah kerana susunan kurikulum yang bersistematik, kelengkapan pembelajaran yang tersusun serta dilengkapi pula dengan tenaga pengajar lulusan ijazah. Namun begitu, Ustaz Azizan tetap sedar bahawa tugas mendidik bukanlah di bataskan dengan perbezaan lokasi dan prasarana pembelajaran semata-mata. Bahkan beliau berpendapat bahawa tugasnya adalah untuk mendidik anak bangsa dengan pengetahuan agama walau di mana sahaja beliau berada. Selain itu, Ustaz Azizan juga pernah menjadi pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan juga pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Jabatan Syariah di Universiti tersebut. Tidak terhenti setakat itu sahaja, Ustaz Azizan juga pernah menjadi pensyarah pelawat di Mindanao State University, Filipina pada tahun 1983 hingga 1984 dan pensyarah sambilan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1986 hingga 1995. Tidak hairanlah jika Beliau fasih berbahasa Melayu (loghat Kedah), bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Filipina kerana pendidikan dan pengalaman beliau yang cukup luas dalam bidang ilmu pengetahuan. Selari dengan kerjayanya sebagai tenaga pengajar, Ustaz Azizan sentiasa menguasai ilmu dan menghayati nilai-nilai keilmuan. Tambahan pula, beliau akan mengajar dengan penuh semangat serta berdedikasi. Bukan itu sahaja, beliau juga akan berfikiran terbuka selain mempunyai sikap professional sesuai dengan perwatakannya sebagai seorang pendidik.

B. Pendekatan Dakwah Dalam Pentadbiran Di Kedah

Kerajaan Kedah di bawah pimpinan Ustaz Azizan Abdul Razak terus-menerus menjadi fokus utama para pemerhati politik, intelektual serta pencinta pergerakan Islam. Perubahan demi perubahan terus dilakukan selaras dengan kehendak ajaran Islam semejak memegang jawatan Menteri Besar. Perubahan tersebut meliputi segala aspek termasuklah politik dan pentadbiran, ekonomi, sosial dan juga pendekatan dalam bidang pendidikan.

C. Politik Dan Pentadbiran

Selaras dengan kehendak Islam, langkah pendekatan pertama yang dilakukan oleh Ustaz Azizan Abdul Razak ialah memastikan pentadbiran negeri Kedah sifar rasuah. Pentadbiran sifar rasuah telah dilaksanakan dan akan dipastikan berterusan dalam urusan pentadbiran kerajaan. Sehingga kini, kerajaan berjaya memimpin dengan bukti sebuah kerajaan yang bersih kerana tiada pegawai/kakitangan kerajaan yang disabitkan dalam rasuah. Pihak kerajaan telah berikrar tidak akan melindungi pegawai dan kakitangan serta bersikap terbuka kepada SPRM untuk membuat siasatan sekiranya terdapat aduan. Selain itu, kerajaan negeri Kedah di bawah pimpinan Ustaz Azizan berusaha untuk melaksanakan perancangan strategik dengan tujuan menambah hasil dan mengurangkan perbelanjaan. Selain itu, mengikut perakuan Laporan Ketua Audit Negara 2009 berkenaan perbelanjaan berhemah, penjimatan serta penambahan hasil dalam negeri. Buat pertama kalinya, pihak GLC telah menyumbang dividen kepada pihak kerajaan sebanyak RM 30 juta. Kewangan negeri lebih kukuh apabila berjaya melepasi paras defisit RM 16 juta pada tahun 2010. Kerajaan negeri Kedah di bawah pimpinan Ustaz Azizan juga komited untuk menguruskan pentadbiran secara berhemah dan saksama. Hasilnya Ustaz

Azizan telah mengarahkan semua pemberian kontrak sesuatu projek dilaksanakan secara telus dan adil iaitu dengan melaksanakan sistem tender terbuka bagi memastikan ketelusan projek dapat dicapai selain dapat mengelakkan berlakunya penyelewengan. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan hasil kerajaan negeri Kedah sejak mengambil alih urusan pentadbiran kerajaan terdahulu iaitu, melalui Laporan Ketua Audit Negara (2009) menyatakan Kedah telah berjaya meningkatkan hasil sehingga kewangan negeri melalui sistem yang dilaksanakan. Ustaz Azizan dalam pentadbirannya sentiasa berusaha untuk meningkatkan imej Islam dan memperkasa sistem Islam. Antara lain adalah dengan berusaha untuk mempercepatkan proses penyelesaian masalah kekeluargaan Islam dalam Mahkamah Syariah. Antara langkah diambil ialah dengan meningkatkan bilangan hakim syariah dan menubuhkan Mahkamah Rayuan bagi menyelesaikan masalah kekeluargaan Islam di Kedah. Selain itu Kerajaan negeri Kedah telah membina Kompleks Mahkamah Syariah di Alor Setar bagi melicinkan urusan tadbir hal ehwal Islam dalam usaha untuk meninggikan sistem Islam khususnya di negeri Kedah.

D. Pendidikan

Keutuhan dan kestabilan politik satu-satunya kerajaan adalah berhubung rapat dengan bidang pendidikan rakyatnya. Disamping satu elemen penting ke arah melahirkan masyarakat berilmu, ia juga mencerminkan kewujudan suatu kerajaan yang stabil. Di dalam pentadbiran negeri Kedah dibawah pentadbiran Ustaz Azizan, kerajaan negeri sentiasa mengutamakan soal pendidikan rakyatnya. Hasilnya kerajaan negeri telah :

- a) Memberi bantuan khas kepada Sekolah Agama Rakyat untuk menjamin kelangsungan dan kemajuan sekolah itu. Kerajaan telah memperuntukan bantuan tahunan sebanyak RM 2.1 juta kepada Sekolah Agama Rakyat sejak tahun 2008.
- b) Menjadikan Kolej Universiti Insaniah sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Islam di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Antara usaha yang dilakukan adalah dengan membangunkan Kampus tetap KUIN di atas tanah seluas 320 ekar di Kuala Ketil dengan kos RM 330 juta yang mampu menampung sehingga 7000 orang pelajar serta meliputi pelbagai bidang dan kemudahan yang lengkap demi keselesaan pembelajaran pelajar. Sehingga kini, penuntut KUIN telah mencecah angka 4492 orang termasuk pelajar-pelajar asing daripada 35 buah negara. KUIN telah dimajukan dengan 42 program pengajian di pelbagai peringkat, bermula dari Pengajian Asasi kepada Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang meliputi bidang Syariah, Usuluddin, Pengajian Islam, Perniagaan, Pengurusan, Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Kejururawatan, Perhotelan dan pelbagai lagi. Kerajaan juga telah memberi biasiswa dan insentif kepada pelajar yang cemerlang untuk menyambung pengajian mereka.
- c) Melancarkan program pendidikan komuniti. Kumpulan sasaran terdiri daripada ibu bapa, guru-guru, pelajar-pelajar dan pemimpin masyarakat yang bertanggungjawab member kesedaran tentang kepentingan pendidikan dan tanggungjawab anggota masyarakat dalam proses pendidikan.

E. Ekonomi

Ekonomi merupakan satu elemen terpenting yang menentukan jatuh bangunnya sesebuah kerajaan. Selaras dengan kehendak Islam, beberapa pendekatan telah dilakukan termasuklah dalam soal pentadbiran dan juga faedah kepada rakyat negeri Kedah antaranya menyediakan Pelan Tindakan Ekonomi Kedah yang realistik dan mengambil kira perancangan Wilayah Ekonomi Utara tajaan Kerajaan Pusat. Kerajaan negeri juga telah melancarkan Pelan Strategik Kedah Sejahtera 2010- 2015 yang meliputi bidang makro-ekonomi, industri, pelancongan, pertanian, teknologi maklumat dan telekomunikasi, pembangunan modal insan serta utiliti dan infrastruktur dengan tujuan menambah hasil pendapatan negeri. Selain itu kerajaan negeri di bawah pentadbiran Ustaz Azizan telah mewujudkan suasana ‘mesra pelabur’ dengan mengurangkan karenah birokrasi dan pengurusan sifar rasuah di semua peringkat pentadbiran. Hasilnya kerajaan negeri telah berjaya menarik perhatian pelabur di Kedah dengan dasar yang dilaksanakan. Sehingga awal 2010, pelaburan di Kulim Hi-Tech berjumlah RM 1.529 bilion. Kedah juga merupakan negeri ke-5 nilai Pelaburan Asing Langsung (FDI) tertinggi di Malaysia sebaris negeri-negeri maju selepas Sarawak, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Kerajaan negeri di bawah pentadbiran Ustaz Azizan telah melancarkan Pelan Pembangunan 2008-2015 yang merangkumi pembangunan pertanian di Negeri Kedah. Pelan hala tuju tersebut telah memberi fokus kepada projek tanaman padi, jagung, nanas, sayuran dan penternakan. Kedah Agro dan Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah (KLPK) turut rancak menjalankan program-program merakyatkan pertanian. Antaranya memberikan pendedahan kepada penduduk kampung cara-cara menghasilkan cecair Effective Microorganism (EM) yang merupakan bahan utama dalam penghasilan Baja Kompos, Silaj, Baja Buah, Baja Daun dan penghalau serangga. Tuntasnya Ustaz Azizan sentiasa berusaha melakukan perubahan dalam meningkat ekonomi rakyatnya, melalui sektor pertanian. Ini kerana pertanian juga merupakan salah satu pekerjaan yang mulia dan amat digalakkan dalam Islam. Hal ini kerana bidang

pertanian menjadikan diri seseorang dekat dengan Allah SWT kerana mereka memahami hakikat tawakkal sebenar kepada Allah SWT.

F. Sosial

Dari sudut sosial pula, Ustaz Azizan berusaha dalam membangunkan pembangunan Insan di negeri Kedah. Hal ini kerana pendekatan dakwah yang terbaik dalam membina masyarakat yang berilmu, berakhlak mulia dan berketamadunan adalah bermula dengan pembangunan Insan itu sendiri. Dalam usaha untuk membangunkan pembangunan Insan khususnya rakyat negeri Kedah, pelbagai usaha telah dilakukan oleh Ustaz Azizan melalui kerajaan negeri antaranya ialah dengan mewujudkan sebuah badan/agensi khusus bagi menggalakkan pembangunan keluarga bahagia serta menangani persoalan-persoalan yang berkaitan dengan kebahagiaan keluarga. Hasilnya kerajaan negeri telah mewujudkan Sekretariat Kem Bina Shakhshiah di bawah Exco Pembangunan Insan yang telah menganjurkan beberapa siri Kem Bina Shakhshiah, Kem Anak Soleh & Kem Bina Insan yang merupakan sebahagian usaha kearah pembangunan insan serta kebahagiaan keluarga. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM 3.5 juta untuk penubuhan Institut Latihan Belia Sejahtera di Sg. Petani sebagai institusi pembentukkan sahsiah dan pembangunan insan para remaja. Disamping itu, Kerajaan negeri telah melancarkan unit khas iaitu Unit Mencegah Gejala Sosial (UMGAS). Ia adalah usaha Kerajaan negeri untuk mengawal semua punca yang boleh menyumbang kepada kemunculan gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, lepak, pergaulan bebas dan hiburan melampau. Tidak hanya mementingkan pembangunan rohani semata-mata, Ustaz Azizan melalui kerajaan negeri juga berusaha meningkatkan dan memperbanyakkan serta mempermudah peluang bagi rakyat terutama sekali yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah yang selesa. Buktinya Sebanyak 1,181 unit rumah mampu milik sedang dibangunkan oleh anak syarikat kerajaan negeri, Seri Temin Development Corporation (M) Sdn. Bhd. di atas tanah seluas 40 hektar di Pokok Sena yang dikenali sebagai Bandar Sejahtera. Selain itu juga, Bina Darul Aman Berhad (BDB) juga sedang menyegerakan pembinaan rumah mampu milik di Kubang Pasu dan Baling, masing-masing sebanyak 420 unit dan 440 unit. Pembinaan rumah mampu milik ini diyakini mampu mengatasi keperluan 23,000 pemohon rumah dikalangan rakyat yang berpendapatan rendah sekaligus dapat membasmi setinggan Bandar. Selain itu, Islam juga menyarankan golongan belia menggunakan segala keupayaan dan potensi yang ada pada mereka untuk pembangunan intelektual, sahsiah, roh dan jasmani. Pembangunan belia menjadi lebih penting lebih-lebih lagi apabila dunia Islam kini berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh melemahkan intelektual, jasmani dan pegangan akidah hasil dari perubahan sosial dan arus globalisasi. Menyedari akan hakikat ini, Ustaz Azizan melalui Kerajaan negeri telah berusaha untuk meningkatkan pembangunan belia khususnya di negeri Kedah. Antara usaha yang dilakukan ialah dengan menyediakan pinjaman modal tanpa riba dan latihan kemahiran secara percuma kepada belia yang berminat menceburi bidang perniagaan. Disamping itu, bagi melahirkan usahawan belia yang lebih mantap dan berdaya saing, Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 2 juta pada tahun 2010 melalui pembiayaan Dana Usahawan PKNK sebagai pinjaman modal memula dan memperkembangkan perniagaan. Ini membuktikan kerajaan negeri yang ditadbir oleh Ustaz Azizan komited dalam meningkatkan pembangunan belia kerana belia adalah pewaris umat Islam yang akan mencorakkan dan menentukan hala tuju umat Islam dan negara pada masa hadapan

Kesimpulan

Konklusinya, Ustaz Azizan Abdul Razak sememangnya dilahirkan dalam lingkungan keluarga ilmunan agama. Suasana kehidupan tersebutlah yang banyak mempengaruhi kehidupannya di masa kecil, ketika kedaulatan Islam tetap tersemadi di awal pembabitan beliau dalam bidang politik. Impian tersebut tidak pernah luntur walaupun terpaksa berdepan dengan berbagai halangan. Bertemankan kesabaran, kesabaran, ketabahan dan kesedaran di dalam hidup. Ustaz Azizan juga sedikit sebanyak berjaya mengubah dasar pemerintahan kepada pendekatan bercorak ke arah Islam khususnya dalam pentadbiran negeri Kedah, walaupun dapat memerintah sepanjang sepenggal tampuk pemerintahan. Proses Islamisasinya berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Idea dan pendekatan tampuk pemerintahan Islam Kedah di bawah kepimpinan Ustaz Azizan melewati detik-detik usia dan kematangan. Berbagai onak dan ranjau telah dilalui. Segala asam garam, pahit dan manis telah dirasai. Semoga pendekatan dan reformasi ke arah pemerintahan Islam yang dilakukan oleh Allahyarham Ustaz Azizan Abdul Razak dalam pentadbiran di negeri Kedah dapat dikekalkan dan dipertingkatkan ke arah yang lebih baik, Insyallah.

Rujukan

1. Abdul Ghafar Don. 2014. Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Abdul Rahman Ahmad. 2006. Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa dalam Konteks
3. Organisasi di Malaysia. Alor Star: Human Resources Academy.
4. Anis Nazri. 2013. Ustaz Azizan: Kombinasi ulama dan profesional. <https://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/22308-ustaz-azizan-kombinasi-ulama-dan-profesional> [26 September 2013].
5. Datuk Seri Haji Abdul Awang. 2019. Bicara ini Demi Perpaduan. Kuala Lumpur: Penerbitan Karya Bestari.
6. Dr. Muhammad 'Ali al-Bar. 1984. Amal Al -Mar'ah fi Al -Miizan. Jaddah: Al-Dar Al Sa'udiyah li Al-Nashr wa Al-Tawzi'.
7. Dr. Thomas J. Barry. 1997. Total Quality Organization (Balance and Harmony for Excellence). Kuala Lumpur: Pyramid Sdn. Bhd.
8. Embun Majid, Han Kar Kay 2013. Former Kedah MB Azizan has legs amputated to prevent infection. <https://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/22308-ustaz-azizan-kombinasi-ulama-dan-profesional> [10 Mei 2013].
9. Haji Zulkifli Yahya. 2013. Sayangi Kedah Sejahtera. Kedah: Penerbitan Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kedah.
10. Hasanuzzaman. 1984. Definition of Islamic Economic. Jeddah: International Centre for Research in Islamic Economic.
11. Ibn Hajar Al-Asqalani, Ahmad bin Ali 2010. Lisan Ul-Miza. Beirut: Penerbitan Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah.
12. Ibnu Amir. 2015. Sukan dari Perspektif Islam.
13. <https://syedibra.wordpress.com/2015/10/10/sukan-dari-perspektif-islam/>
14. [10 Oktober 2015].
15. Izwan Abdul Halim. 2020. MB Kedah: Sanusi teladani kepimpinan Ustaz Azizan. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/05/27/mb-kedah-sanusi-teladani-kepimpinan-ustaz-azizan/> [27 Mei 2020].
16. Jamilah Hamzah. 2013. Jasamu tetap dikenang Ustaz Azizan. <https://www.sinarharian.com.my/nasional/jasamu-tetap-dikenang-ustaz-azizan-1.205871> [26 September 2013].
17. Kurshid Ahmad. 1975. Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

